

**BERITA ONLINE  
BERITA HARIAN**  
**TARIKH: 21 JANUARI 2022**  
**(JUMAAT)**



## Lebih 40 syarikat sertai Minggu MyFintech 2022

Oleh Mahanum Abdul Aziz - Januari 21, 2022 @ 11:11am  
mahanum\_aziz@bh.com.my



KUALA LUMPUR: Lebih 40 syarikat fintech dari Malaysia dan negara serantau akan menyertai pameran secara digital di MyFintech Week 2022 (MyFW 2022), anjuran Bank Negara Malaysia (BNM) yang akan berlangsung dari 24 hingga 28 Januari ini.

Timbalan Gabenor BNM, Datuk Abdul Rasheed Ghaffour, berkata MyFW 2022, yang akan dirasmikan Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz akan memberi tumpuan khusus terhadap kepentingan kelestarian dan teknologi digital, terutamanya dalam menyesuaikan semula peranan atau fungsi sistem kewangan bagi membantu pemulihan ekonomi untuk masa depan yang lebih inklusif, berdaya tahan dan mampan.

Beliau berkata, persidangan yang bertemakan 'Advancing Digitalisation for Recovery, Sustainability and Inclusion' itu akan diadakan secara maya membabitkan lebih 50 sesi pembentangan dan diskusi yang akan dikendalikan oleh pakar dan peneraju utama industri kewangan dan teknologi pada peringkat global serta penyertaan kira-kira 3,000 peserta dari dalam dan luar negara.



Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia, Datuk Abdul Rasheed Ghaffour.

Katanya, lebih 100 penceramah dan pakar terkemuka dalam bidang fintech dan pendigitalan akan tampil untuk berbincang mengenai isu penting yang menjadi fokus bagi MyFintech Week kali ini.

Tambahnya, BNM juga akan melancarkan Pelan Induk Sektor Kewangan 2022-2026 pada 24 Januari 2022 sempena penganjuran MyFW 2022.

"Teras utama perbincangan akan menyentuh topik yang akan membentuk landskap ekonomi dan industri kewangan Malaysia pada masa hadapan seperti ketahanan iklim, ekonomi digital, teknologi baharu muncul, transformasi perniagaan, persaingan dan peserta baharu, wang dan pekerjaan masa depan, peraturan dan kawal selia serta kewangan sosial," katanya kepada BH menerusi temubual melalui emel.

Ucaptama bagi MyFW 2022 akan mengulas mengenai peranan penting industri kewangan dalam menyokong usaha kelestarian dan panel diskusi yang membincangkan inisiatif ke arah sektor kewangan sifar bersih oleh pakar terkenal seperti Achim Steiner (A-kim Stainer), yang mana adalah Pentadbir di Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) dan Sarah Breeden, Pengarah Eksekutif dan Penaja Eksekutif bagi Perubahan Iklim di Bank of England.

MyFW 2022 juga akan mengupas isu mengenai realiti baharu dalam kewangan dalam era baharu pasca-pandemic, seperti perkhidmatan kewangan, perbankan, insurans dan pembayaran yang ditawarkan menggunakan platform dan teknologi digital.

Antara speaker yang akan ditampilkan termasuk Kevin Hartman, Ketua Analitik Evangelist daripada Google dan Reuben Lai, Pengarah Urusan Kanan Grab Financial Group.

Dalam mengupas isu lain berkaitan ekonomi dan keterangkuman dan kekuahan kewangan, yang berkaitan dengan langkah menuju pemulihan ekoran pandemik, BNM mengundang pakar dan tokoh ternama, antaranya Kaunselor Kewangan di Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Tobias Adrian dan Presiden AirAsia Digital, Aireen Omar.

BNM menganjurkan MyFW sebagai salah satu acara penting dalam usaha menggalakkan pertumbuhan dan kepelbagaian ekosistem fintech di Malaysia dengan penganjuran pertama kali pada 2019.

Mereka yang berminat untuk menyertai MyFW 2022 boleh mendaftar di <https://myfintechweek.my/register/>. Ikuti laman sosial MyFW untuk ketahui perkembangan terkini (@myfintechweek di Facebook, Twitter, Facebook dan LinkedIn).

Sementara itu, mengenai perkembangan fintech Islam di negara ini, Abdul Rasheed berkata, persekitaran kawal selia dan rangka kerja tadbir urus Syariah yang kukuh telah membantu meletakkan Malaysia sebagai hab kewangan Islam strategik dan kondusif untuk pembangunan sektor fintech Islam.

Beliau berkata, pencapaian itu adalah hasil usaha sama pengawal selia seperti BNM dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) serta pemain industri kewangan Islam.

Katanya, usaha baik itu turut diiktiraf apabila Malaysia telah diletakkan di tempat pertama dalam Indeks Fintech Islam Global (GIFT) dalam kalangan 64 negara.

Tambahnya, perkembangan itu disokong antaranya melalui inisiatif Fintech Regulatory Sandbox yang disediakan termasuk bagi fintech Islam yang telah menggalakkan institusi kewangan mahupun syarikat permulaan membangun dan menawarkan produk kewangan yang inovatif dalam persekitaran yang selamat dan terkawal.

"Di samping itu, Majlis Penasihat Syariah (MPS) sebagai badan pengawal selia turut memberi panduan dalam inovasi fintech Islam melalui resolusi dan ketetapan Syariah yang dikeluarkan.

"Contohnya, ketetapan Syariah MPS BNM telah dikeluarkan bagi kebolehgunaan e-money sebagai instrumen pembayaran, begitu juga resolusi yang membenarkan perdagangan dan penggunaan aset digital," katanya.

Abdul Rasheed berkata, usaha bagi memajukan fintech Islam di Malaysia perlu ditingkatkan dengan kerjasama dan sokongan berterusan daripada semua pihak.

Beliau berkata, kerjasama semua pihak itu termasuk pemain industri, kerajaan dan institusi kewangan, terutamanya dalam memberi panduan bagi perniagaan, pembiayaan dan pelaburan modal, serta penyelarasan undang-undang yang merangkumi kepelbagai produk dan model perniagaan digital dalam kewangan Islam.